

Headline	TNB terus bela masyarakat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	6
ArticleSize	541 cm ²	Journalist	AZRUL HAKIMIE
PR Value	RM 32,373		



BAITI JANNATI
WILAYAH PERSEKUTUAN

- **Sejak 2008,**
81 penerima manfaat.
- **Perbelanjaan:**
RM3.7 juta
- **Fokus:** Baik pulih, bina rumah baharu
- **Kumpulan sasar:** Golongan miskin, asnaf, ibu tunggal, warga emas



PROJEK BAITI JANNATI
 TAHUN 2018
Untuk Junyer dan Suliman
No 41, Jalan Ray Muadzam Shah
Kampung Baru
55100 Kuala Lumpur
18/04/2018 Seri Johari Abdul Ghani
Menteri Kewangan II

JOHARI ABDUL GHANI menandatangani plak Projek Baiti Jannati TNB 2018 peringkat Wilayah Persekutuan sambil diiringi Junyer Sukiman (dua dari kiri) dan A. Sivanas (kiri) sempena majlis kesyukuran kejayaan projek itu di Kampung Baru, Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ

TNB terus bela masyarakat

Oleh AZRUL HAKIMIE ANUER
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 APRIL

TENAGA Nasional Berhad (TNB) bertekad untuk terus komited dalam melaksanakan program Baiti Jannati atau rumahku syurga pada masa hadapan demi memberikan kehidupan selesa kepada masyarakat.

Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelangganan) TNB Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ir. A. Sivanas berkata, sejak dilaksanakan pada tahun 2007, program tersebut telah memberi manfaat kepada 547 orang penerima seluruh Semenanjung melibatkan perbelanjaan sebanyak RM16.5 juta.

Jelas beliau, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja, sejak dijalankan pada tahun 2008 seramai 81 penerima telah mendapat manfaat daripadanya dengan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM3.7 juta.

"Projek ini merupakan satu daripada tanggungjawab sosial



JOHARI ABDUL GHANI bermesra dengan Junyer Sukiman (dua dari kanan) dan ahli keluarganya sambil diperhatikan A. Sivanas (kiri).

korporat TNB, sejarah dengan saranan kerajaan supaya syarikat milik kerajaan (GLC) membantu membaiki rumah kediaman

golongan yang memerlukan agar mereka dapat menjalani kehidupan lebih selesa.

"Program yang bermula se-

jak 2007 itu memberi fokus kepada kerja-kerja membaik pulih atau membina baharu rumah golongan miskin dan asnaf yang terpilih meliputi antaranya ibu tunggal dan warga emas," katanya ketika berucap dalam majlis Kesyukuran Projek Baiti Jannati TNB di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Sivanas menambah, untuk tahun ini seramai 18 asnaf telah diberikan bantuan program Baiti Jannati di mana 16 daripada mereka menetap di projek perumahan rakyat (PPR) manakala bakinya menerima bantuan bina rumah baharu di atas tanah masing-masing.

Ujarnya lagi, TNB kebiasaan menyediakan peruntukan sebanyak RM50,000 bagi membaik pulih sebuah rumah penerima bantuan.

"Setakat tahun ini TNB membelanjakan sebanyak RM800,000 bagi melaksanakan program Baiti Jannati di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," katanya.